

### 3.3 CIRI-CIRI OBJEKTIF SESEBUAH PERNIAGAAN

Objektif sesebuah perniagaan terbahagi kepada :

|                                                                    |                                                                |
|--------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
|                                                                    |                                                                |
| Matlamat yang ingin dicapai dalam masa kurang daripada lima tahun. | Matlamat yang hendak dicapai dalam tempoh melebihi lima tahun. |

Ciri-ciri objektif dibentuk berdasarkan konsep SMART:

| Huraian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Konsep |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pernyataan objektif hendaklah dinyatakan secara khusus.</li> <li>✓ Tindakan yang boleh diukur secara kuantitatif.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Objektif yang ditetapkan dapat dibandingkan dengan pencapaian pada sebelum dan selepas sesuatu aktiviti dilaksanakan.</li> <li>✓ Pencapaian dapat diukur secara kuantitatif (angka, nombor, masa dan wang) atau kualitatif (kepuasan pengguna apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan).</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                        |        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Sasaran yang ditetapkan mesti boleh dicapai.</li> <li>✓ Para pekerja mesti menggembleng tenaga sepenuhnya berdasarkan sumber yang ada.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Objektif yang ditetapkan mesti tidak mustahil untuk dicapai.</li> <li>✓ Tenaga fizikal, sumber manusia dan bahan mentah yang digunakan, mesti boleh mengorak langkah kea rah pencapaian objektif yang ditetapkan.</li> <li>✓ Peniaga yang menetapkan objektif perlu mengambil kira dua perkara, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sumber manusia yang merangkumi pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan bilangan pekerja yang ada.</li> <li>- Faktor persekitaran yang perlu dipadankan dengan kekuatan yang ada.</li> </ul> </li> </ul> |        |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Satu tempoh masa yang perlu ada dalam penentuan sesuatu objektif perniagaan.</li> <li>✓ Tempoh yang dimaksudkan boleh jadi dalam jangka pendek atau jangka panjang.</li> <li>✓ Carta Gantt boleh digunakan sebagai panduan terhadap hala tujuan objektif yang ditetapkan. <ul style="list-style-type: none"> <li>- Aktiviti dan masa yang dirancang untuk mencapai objektif akan dipadankan dan dijadikan rangka rujuk dan panduan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.</li> </ul> </li> </ul>                                                     |        |